



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

AL-NASHRAH

Leading The Way - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
(Bil 1) Januari - Jun 2012 No. ISSN 2231-9794



**DYMM Tuanku
Aishah Rohani
Lawat FKP**

**FKP Rancang
Tawar 4 Program
Baru**

**Kisah Dalam
Al-Quran dan
Kesannya Kepada
Dakwah Islam**

**Akhbar Membina
atau Membinasa?**

Rencana Ketua Editor

ISI KANDUNGAN

Kata Aluan Dekan	3
DYMM Tuanku Aishah Rohani Lawat FKP	4
Berita Fakulti	5-7
Akhbar Membina atau Membinasa ?	8
Implikasi Daripada Penubuhan Wasatiyah	9
Keihklasan Dalam Komunikasi	10
Psikologi Fahami Tingkah Laku Manusia	11
Documentary Film: A Step to Da'wah	16
Zest For Life: Twinkle in Their Eyes	17
Dauru Ilmi Al-Kalam Fi Muajihat	18
At-Tahadiyat Al-Mu'asirah	
Al-Qisah Al-Qur'aniah Wa Atharua	19
Fi Da'wah Al-Islamiyah	
Berita Siswa FKP	20-21

SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani
Dekan

Ketua Editor

Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin

Editor

Fauziah Hassan

Terjemahan

Prof. Madya Dr Mosbah Mansour Moussa Motawea

Dr Kamaluddin Nurdin Marjuni

Noor Adzrah Ramle

Dini Farhana Baharudin

Zaheril Zainudin

Salhah Abdullah

Jurufoto

Kamarull Syamzari Kamaruddin

Mohd Yusrizal Mohd Yunus

Tunku Mohd Hashrig Bakar

Mohamad Helmi Ibrahim

Edaran dan Promosi

Muhamad Zaki Mustafa

Siti Suriani Othman

Sharrazmi Anas

Nor Alina Yusop

Nurzillawaty Mohd Zaidin

Muhamad Amir Mat Ghani

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya Buletin Al Nashrah untuk edisi kedua dapat dihasilkan dan diterbitkan.



Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada sidang editorial yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan buletin ini disiapkan mengikut waktu yang telah dirancangan.

Kita semua sedia maklum bahawa buletin rasmi Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) ini memainkan peranan yang sangat penting sebagai medium atau saluran untuk menyampaikan maklumat berkaitan FKP kepada warga USIM khususnya dan masyarakat di luar sana amnya.

Apatah lagi apabila melihat penerbitan buletin pada hari ini sangat wajar dan berfungsi untuk mempromosi sesebuah organisasi ataupun institusi kepada masyarakat.

Penerbitan buletin ini juga untuk memenuhi aspirasi Fakulti dan bertindak sebagai media pengantara untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan maklumat menerusi berita-berita dan artikel yang telah dipilih untuk penerbitan kali ini.

Selaras dengan mottonya iaitu "Leading the Way", Fakulti berhasrat untuk terus muncul sebagai Fakulti yang terkehadapan terutama dalam lapangan penyelidikan dan penerbitan. Semoga penerbitan buletin yang bertemakan pengintegrasian antara ilmu aqli dan naqli ini dapat menjadi saluran komunikasi yang berkesan dalam penyampaian informasi terkini kepada masyarakat.

Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi atas kejayaan edisi kali ini dan amat berharap agar buletin ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua warga FKP dalam memastikan kualiti penerbitannya sentiasa dilihat bermiliah, mempunyai nilai komersial dan terus berkesinambungan pada masa akan datang.

Sekian,
Ketua Editor

Al-Nashrah mengalu-alukan sumbangan bahan untuk diterbitkan di dalam buletin yang akan datang.

Sumbangan boleh dihantar kepada:

Editor,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan.
Tel: 06-7988279 Faks: 06-7988244
Email : fauziah.hassan@usim.edu.my
Portal: <http://fkp.usim.edu.my>

“

Janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sombong, kerana sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembus bumi dan sekali-kali kamu tidak akan sampai setinggi gunung ”

(Surah Al-Isra' Ayat 37)

Dari Meja Dekan

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buletin Al Nashrah dapat diterbitkan untuk bilangan kedua. Sekalung jutaan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Penerbitan dan sidang editorial Al-Nashrah atas usaha murni ini.

Setelah satu dekad alaf baru berlalu, kesan globalisasi yang dibantu oleh alatan baru teknologi komunikasi makin dirasa. Krisis kepimpinan yang melanda dunia Islam dan krisis ekonomi yang melanda dunia Eropah khususnya telah membuka medan baru perbincangan di kalangan intelektual dan pemimpin politik. Makin banyak tulisan cuba menjustifikasi mengenai teori the collapse of capitalism. Dalam pencarian untuk mengisi kekosongan yang wujud akibat kegagalan untuk membahagiakan kehidupan manusia sejagat, keperibadian Rasulullah s.a.w. wajar diketengahkan. Baginda memimpin ummah atau dengan kata lain lead the way dengan menekankan kepada pengurusan yang rapi (al-tanzim al-da'iq), iman yang teguh (al-iman al-'amiq) dan jihad yang berterusan (al-jihad al-da'im). Semuanya diringkaskan dengan istilah uswah hasanah, sebuah kerangka teori yang sangat kukuh untuk diperjuangkan sebagai rangka rujuk yang dicari oleh umat manusia ketika ini. Uswah hasanah yang dimodelkan oleh Baginda sangat komprehensif, penuh dengan sifat kasih sayang dan bersandarkan kepada keagungan Allah SWT sebagai Tuhan sekalian alam.

Transformasi pendidikan tinggi kini, khususnya dalam konteks Malaysia, perlu mengadoptasi kerangka uswah hasanah supaya terus berada di atas landasan yang kukuh dan bersifat memimpin. Berasaskan ruh kepimpinan yang mendokong aspirasi murni USIM untuk Bertekad Terbilang, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) memang bersedia untuk berada di hadapan, memperjuangkan sebuah agenda yang bakal melakar sejarah bagi menggabungkan ilmu naqli dan aqli. Melalui keunikan dalam program pengajian yang ditawarkan, gabungan akar tradisi akidah dan dakwah serta komunikasi dan kaunseling, usaha melahirkan modal insan bertaraf dunia bukan calang-calang aspirasi. Justeru, segunung harapan akan dipikul bersama oleh warga FKP, mendaki berdikit-dikit, sentiasa memandang ke hadapan dengan sikap positif, moga nanti boleh bergembira dan tenang dalam keimanan bila puncak dicapai.

Selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang memasuki fasa 2, yang mensasarkan lima tunggak utama yang perlu diberi perhatian iaitu sistem tadbir urus yang baik, teras kepimpinan, akademia, pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan dan pembangunan, FKP bertekad untuk merealisasikan dengan melahirkan graduan yang boleh memberi suntikan inovasi baru dalam pendidikan tinggi negara, holistik, berkemahiran dan sangat beramanah. Oleh itu, bagi menjayakan Wawasan 2020 yang membariskan Malaysia setaraf dengan negara maju dalam acuan sendiri dan berhasrat untuk menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi bertaraf antarabangsa, maka FKP bertekad membantu misi negara dengan melahirkan graduan yang holistik, penyelidik yang prolifik, menawarkan kursus dan program yang sentiasa dipantau kualitinya, memberikan prasarana yang kondusif kepada pelajar dan memberikan perkhidmatan berkualiti menerusi barisan pentadbir yang berdaya saing.

Setakat ini, FKP telah membuktikan keunggulannya dengan berjaya memperoleh empat pingat sempena PECIPTA 2011. Fakulti juga berusaha untuk meningkatkan kompetensi dalam aktiviti penyelidikan dan telah mendapat lebih banyak geran penyelidikan, penerbitan jurnal di peringkat antarabangsa, meningkatkan jumlah pelajar siswazah dan memiliki tenaga akademik yang dihormati dan dirujuki. Selain itu, Fakulti juga telah berjaya menganjurkan dua seminar di peringkat antarabangsa bagi tahun 2011, menerbitkan beberapa buku ilmiah dan berjaya mewujudkan jalinan kerjasama dengan beberapa organisasi strategik seperti JAKIM, TV AlHijrah, Astro Oasis, Radio IKIM dan sebagainya.

Dalam usaha untuk mencapai kesemua objektif dan melakukan transformasi serta lonjakan saujana, sudah pasti Fakulti memerlukan tenaga akademik dan kakitangan pentadbiran yang berdedikasi. Kini, Fakulti sedang berusaha meningkatkan jumlah kakitangan akademik yang memiliki ijazah PhD serta mewujudkan suasana kerja yang kondusif untuk meningkatkan produktiviti. Dengan semangat dan ruh Fakulti yang menjunjung aspirasi kepimpinan dan pengurusan, diharapkan semua warga Fakulti akan turut serta secara aktif bagi menggapai aspirasi bersama.

Sekian,

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani
Dekan
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

DYMM Tuanku Aishah Rohani Lawat FKP



Oleh : Fauziah Hassan

25 JAN–Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud berkenan berangkat mencemar duli buat julung kalinya melawat Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini.

Ini lawatan rasmi baginda sempena Pemasyhuran Kebawah Duli Tuanku sebagai Canselor USIM pada 3 Disember tahun lalu.

Mengiringi baginda ialah Yang Amat Mulia Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tunku Muhriz dan Yang Mulia Tunku Dato' Nazihah bt Tunku Muhammad Rus.

Turut serta Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj Md. Noor; Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda; Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Barisan Pengurusan Tertinggi USIM.

Baginda kemudian dibawa melawat Studio Radio dan Studio Televisyen serta Makmal Kaunseling Kanak-kanak di fakulti itu.

Sepanjang lawatan di FKP, baginda diberikan penerangan ringkas yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Abd Halim Mohd Husin, Pengarah Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asean dan Cik Suria Hani A. Rahman, Ketua Program Komunikasi.

Mengakhiri lawatan, baginda berangkat ke Majlis Santapan Tengah Hari di Perpustakaan USIM. Sempena lawatan itu, baginda berkenan mengurniakan sumbangan RM5,000 kepada Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia Cawangan Daerah Seremban (Pusat Jagaan Harian Warga Tua Seremban) dan Pertubuhan Anak Yatim Darul Aminan Negeri Sembilan.

Seluruh warga USIM merafak sembah menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor berangkat mencemar duli untuk lawatan rasmi ke USIM. **AN**

Sumber: BKKPA

BERITA FAKULTI

FKP Dapat Dekan Baru

2 MAC – Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dengan rasminya menerima pelantikan Dekan baru iaitu Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani bagi menggantikan Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani yang tamat tempoh pelantikan pada 26 Februari 2012 yang lalu.

Prof. Dr. Zulkiple dipertanggungjawabkan memegang jawatan itu selama dua tahun bermula 1 Mac 2012 hingga 28 Februari 2014. Ketika berucap pada Majlis Penyerahan Tugas Dekan di Bilik Jamuan VIP, FKP, hari ini, beliau berharap mendapat kerjasama sepenuhnya daripada semua staf akademik, pentadbiran dan sokongan di fakulti itu.

“Saya juga berharap agar setiap kakitangan akademik mempunyai ruh dan jiwa untuk menjadi ahli akademik agar lebih fokus kepada bidang penyelidikan dan menambahbaik proses pembelajaran dan pengajaran,” katanya.

Seorang staf akademik di Program Dakwah dan Pengurusan Islam, En. Khairunneezam Mohd Noor yakin pentadbiran baru ini merupakan kesinambungan kegemilangan di bawah teraju mantan Dekan FKP iaitu Dr. Mohd Rushdan.

“Harapan saya agar beliau dapat memberikan tunjuk ajar dan bimbingan serta berbakti dengan ikhlas, dedikasi dan berintegriti. Ibarat sebuah kapal yang sedang belayar di samudera luas, semoga FKP akan terus maju dan jaya di bawah nakhodanya yang baru,” katanya.

Pada masa sama, turut diumumkan pelantikan baru bagi jawatan Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin bagi menggantikan Prof. Dr. Zulkiple.

Majlis bermula jam 10.30 pagi itu dihadiri kira-kira 30 staf akademik, pentadbiran dan sokongan dan diakhiri dengan jamuan makan tengah hari. **AN**



Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani
Dekan FKP



Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani
Mantan Dekan FKP



Prof. Madya Dr. Mohd Yahya
Mohamed Ariffin
Timbalan Dekan A&P

8 Struktur Baru Pentadbiran FKP Diperkenal

9 MAC – Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, telah memperkenalkan lapan struktur jawatankuasa pentadbiran FKP yang baru dan dianggotai di kalangan ahli akademik.

Menurut beliau, lapan jawatankuasa baru itu akan berkuatkuasa 1 Mac 2012 hingga 28 Februari 2014 dan telah distruktur mengikut keperluan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) Fasa 2 serta KRA USIM.

Struktur itu memberi penekanan kepada tujuh teras utama iaitu meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti, menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperteguh penyelidikan dan inovasi, memperkasakan institusi pengajian tinggi, mempergiat pengantarabangsaan, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dan teras terakhir iaitu memperkukuhkan sistem penyampaian.

“Penstrukturan baru ini juga bertujuan memenuhi amanat Yang Berbahagia Prof. Dato’ Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM yang mahukan setiap fakulti mewujudkan garis panduan yang strategik dalam menguruskan hala tuju fakulti,” katanya semasa mempengerusikan mesyuarat khas fakulti yang pertama hari ini.

Di bawah adalah senarai lapan jawatankuasa pentadbiran FKP yang baru:

- **Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA)**
- **Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS)**
- **Jawatankuasa Penyelidikan dan Persidangan (JPP)**
- **Jawatankuasa Penerbitan (JP)**
- **Jawatankuasa Pembangunan Pelajar (JPP)**
- **Jawatankuasa Pembangunan Staf dan Prestasi (JPSP)**
- **Jawatankuasa Kebajikan, Keceriaan dan Sukan (JKKS)**
- **Jawatankuasa Hubungan Masyarakat, Pengantarabangsaan dan Pembangunan ICT (JHMPP). AN**

FKP Diberi Mandat Anjur ICIL, TRAN-SPI

9 JAN - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) diberi kepercayaan untuk menganjurkan dua persidangan besar pada hujung tahun lalu. Seminar Transformasi Sistem Pentadbiran Islam di Malaysia (TRAN-SPI) dan International Conference on Islamic Leadership (ICIL) masing-masing telah diadakan pada 30 September dan 4 Oktober 2011.

TRAN-SPI yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (JPM), Lembaga Tabung Haji, Berita Harian dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato’ Seri Najib Tun Razak di Dewan Konvensyen Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 30 Oktober 2011.

Seminar itu berjaya menarik lebih 40 kertas kerja yang dibentangkan dalam enam kluster iaitu Sistem Pentadbiran Islam, Sistem Pendidikan Islam, Sistem Perbankan dan Kewangan Islam, Sistem Perundangan dan Kehakiman Islam, Sistem Kesenian dan Kebudayaan Islam dan Sistem Diplomas dan Hubungan Antarabangsa (Negara Islam).

International Conference on Islamic Leadership (ICIL) pula mendapat kerjasama dari Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi Malaysia (AKEPT) dan

dianjurkan khusus untuk membincangkan isu-isu mengenai kepimpinan Islam di peringkat global.

Persidangan bertaraf antarabangsa itu lebih bermakna dengan kehadiran Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang turut menyampaikan ucapan utama yang diadakan di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur.

Persidangan yang berjaya menarik lebih daripada 300 penyertaan dari dalam dan luar negara itu membariskan tokoh pemimpin dalam pelbagai bidang antaranya seperti Dato’ Syed Amin Al Jeffri, Prof. Tan Sri Dato’ Dzulkifli Abdul Razak, Tan Sri Ahmad Fuzi Hj Abdul Razak, Prof. Dr. Edy Suandi Hamid (Indonesia), Prof. Hussin Mutalib (Singapura) dan ramai lagi. **AN**



FKP Berarak Rai Maulidur Rasul

8 MAC - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) tetap meneruskan perarakan bagi meraikan Maulidur Rasul di peringkat Universiti walaupun hujan reyai-reyai telah membasahi bumi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kira-kira 40 staf FKP turut serta dalam perarakan yang melibatkan hampir 3000 kakitangan USIM sempena Sambutan Maulidur Rasul yang bermula di Stadium Tunku Najihah menuju ke Stadium Tertutup Nilai seawal jam 8 pagi.

Sebanyak 22 kontinjen yang terdiri daripada kakitangan dan mahasiswa USIM, bersatu padu dalam memeriahkan perarakan dengan membawa sepanduk masing-masing di samping mengenakan pakaian yang seragam bertepatan dengan tema Maal Hijrah 1433 iaitu "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah". Acara dimulakan dengan bacaan al-Quran yang disampaikan oleh saudara Mohamad Husaini Mahmud, Mahasiswa Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) yang juga merupakan ahli kumpulan tarannum, Unit Kesenian Pelajar (UKP).



Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Naib Canselor HEPA USIM, dalam ucapannya menyeru supaya mahasiswa USIM menjadikan Rasulullah sebagai ikon terbaik dalam semua aspek khususnya aspek kepimpinan.

"Sambutan Maulidur Rasul merupakan satu penghormatan dan salah satu cara untuk menzhahirkan rasa kecintaan terhadap Rasulullah bahkan berselawat mampu mendekatkan hati kita dengan baginda Rasulullah," katanya lagi.

Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani, Pensyarah Kanan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dijemput untuk menyampaikan ceramah Maulidur Rasul bertajuk "Mencintai dan Meneladani Rasulullah Dalam Kehidupan".

Beliau menekankan bahawa sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w sangat menyayangi baginda dan mencontohi setiap perlakuan Rasulullah s.a.w dalam menjadi Muslim yang sejati dan mencari keredhaan Allah.

"Kita perlu sentiasa mencontohi kefahaman dan penghayatan kerohanian baginda Rasulullah kerana ia telah terbukti bahawa semakin tingginya seseorang itu dalam memelihara hubungannya dengan Allah maka semakin besarlah manfaat dan sumbangan yang akan diberikan olehnya kepada manusia sekelilingnya," katanya lagi.

Perarakan itu telah menyaksikan Jabatan Pendaftar dinobatkan sebagai pasukan terbaik keseluruhan dengan membawa pulang piala pusingan beserta hamper, manakala bagi kategori perbarisan terbaik dimenangi oleh Jabatan Bendahari dan juara bagi kategori sepanduk terbaik pula dimenangi oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) iaitu "Cintai Rasulullah, Lazimi Sunnah".

Semua yang hadir telah dihiburkan oleh kumpulan nasyid Intraksee, kumpulan marhaban dan berzanji serta persembahan sketsa oleh kumpulan teater Akademi Teater Rupawan Asli (ATRA) dari Urus setia Kesenian Pelajar, Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM. **AN**

Sumber: BKKPA

FKP Galak Ahli Akademik Terbit Buku

16 FEB- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menggalakkan ahli akademiknya memperbanyakkan penerbitan buku ilmiah.

Sehubungan itu, bengkel penerbitan buku akademik dianjurkan baru-baru ini yang dihadiri kira-kira 30 ahli akademik dalam bidang Da'wah, Kaunseling, Komunikasi dan Akidah.

Bengkel sehari itu dirasmikan Dekan FKP, *Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani yang turut menyampaikan slot ceramah bertajuk "Kerangka Integrasi Ilmu Aqli dan Naqli".

Dr. Mohd Rushdan antara lain menyatakan pengintegrasian antara ilmu aqli dan naqli adalah perlu dalam menghasilkan buku ilmiah yang mencakupi semua bidang di fakulti ini.

Antara penceramah lain dalam bengkel tersebut ialah Prof. Madya Dr. Hamed Mohd Adnan, Ketua Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya yang menyampaikan ceramah bertajuk "Strategi dan Teknik Penerbitan Ilmiah Daripada Tesis ke Buku".

Puan Hariza Mohd Yusof, Ketua Bahagian Penerbitan, USIM pula menyampaikan ceramah bertajuk "Prosedur dan Proses Penerbitan Buku Ilmiah di USIM." **AN**

*Beliau kini merupakan Pensyarah Kanan di FKP

150 Masyarakat Orang Asli Teruja Melawat FKP

Oleh : Fauziah Hassan

25 FEB - Seramai 150 masyarakat Orang Asli diberi pendedahan mengenai senario kehidupan sebagai pelajar ketika melawat Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini.

Mereka dari Kampung Langkap Dangi, Jempol, Negeri Sembilan ternyata teruja, malah menunjukkan minat menyertai program sehari itu.

Program itu diserikan dengan pelbagai aktiviti indoor dan outdoor seperti tayangan video korporat FKP, lawatan sekitar fakulti seperti studio radio, studio televisyen, solat Zohor berjemaah, pertandingan mewarna, anyaman, cabutan bertuah dan persembahan daripada anak angkat.

Menurut Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda, lawatan masyarakat Orang Asli ke FKP itu adalah untuk memberi pendedahan kepada mereka berhubung kehidupan sebagai pelajar agar dapat menarik minat anak Orang Asli untuk menuntut ilmu hingga ke menara gading.

"Lawatan ilmiah ini juga penting kepada USIM sebagai medan untuk membantu golongan masyarakat Orang Asli dalam menempuh arus pembangunan dan pembentukan jati diri lebih-lebih lagi dalam era

globalisasi," katanya pada majlis pelancaran program lawatan tersebut di Dewan Kuliah Fakulti, (DKF 1.1) di USIM baru-baru ini.


Sementara itu, Pengarah Program berkenaan, Muhamad Amir Mat Ghani, pelajar Tahun 3, FKP, berkata satu daripada objektif program itu adalah untuk mengeratkan kembali hubungan silaturrahim yang terjalin dengan keluarga angkat masing-masing.

"Mereka sangat gembira dapat bertemu kami semula di sini dengan suasana yang cukup berbeza," katanya ketika ditemubual.

Program anjuran 82 pelajar Tahun 3 Program Da'wah dan Pengurusan Islam itu adalah lanjutan daripada Program Khidmat Sosial Masyarakat Orang Asli yang diadakan sempena Program Da'wah Tatbiqi pada 8 November tahun lalu di Kampung Langkap Dangi. **AN**



Program Komunikasi Terbit Dokumentari Maal Hijrah Untuk RTM 2



Sempena sambutan Maal Hijrah yang lalu, Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM 2) menerbitkan sebuah dokumentari Maal Hijrah berbahasa Inggeris yang disiarkan pada 27 November 2011 di RTM 2, jam 9.30 malam.

Dokumentari Maal Hijrah itu yang bertajuk "Hijrah: Transforming Malaysia" berkisarkan kebangkitan agama Islam yang melalui beberapa fasa transformasi dalam sistem pentadbirannya seperti perbankan Islam, pendidikan dan kebudayaan.

la disunting oleh En Zaheril Zainudin, Tutor Program Komunikasi selaku penerbit utama dokumentari tersebut.

Penghasilan dokumentari yang turut dilakukan bersama kumpulan pelajar penyiaran Tahun 4 itu mengambil masa selama sebulan serta mendapat kerjasama dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Produksi dokumentari itu menjalani penggambaran sekitar Melaka dan Kuala Lumpur. **AN**

Radio USIM Hasrat Tarik Pendengar Luar



12 MAC - Penubuhan Radio USIM yang sudah masuk tahun ketiga bermula sejak tahun 2009 berhasrat untuk menarik pendengar dari luar kampus dengan memperkenalkan program-program radio yang baru.

Menurut Penerbit Rancangan Radio USIM, En Shaiful Sharizal Mohd Sadi (*Gambar*) berkata, kandungan untuk siaran radio telah dikemas kini dan dipelbagai agar dapat menarik minat pendengar dari luar USIM.

"Pelbagai program dan segmen baru telah diperkenalkan antaranya Belailah Kalbu, Kembara Sejarah, Jelajah Negeri, Drama Radio, Prebiu Filem, Ceramah Ringkas dan sebagainya," katanya lagi.

Menurut beliau lagi, dengan memperbaharui segmen di Radio USIM dapat membantu mempromosikan aktiviti dan program Universiti kepada masyarakat luar.

Selain itu, pelajar-pelajar kewartawanan di Program Komunikasi, FKP turut menjadi orang kuat Radio USIM dengan menyumbangkan berita-berita terkini yang berlaku di sekitar kampus. Kaedah ini juga dapat memberi ilmu praktikal kepada para pelajar terutama untuk subjek penulisan berita. Manakala

pelajar-pelajar penyiaran ditugaskan untuk mengatur dan menyusun siaran rancangan untuk Radio USIM.

Radio USIM yang bersiaran pada setiap hari kuliah bermula jam 9 pagi hingga 5 petang turut membuka ruang kepada fakulti lain untuk menghantar sebarang maklumat mengenai aktiviti dan program yang akan dijalankan untuk dihebahkan.

Pengurusan radio ini yang dikendalikan sepenuhnya di bawah Program Komunikasi, FKP dapat didengar secara dalam talian dengan melayari <http://radio.usim.edu.my> atau melalui Fan Page Radio USIM di Facebook. **AN**



FKP Rancang Perkenal Empat Program Baru 2013

9 MAC - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) sedang dalam perancangan menawarkan empat program baru pada tahun 2013 untuk menarik lebih ramai lagi pelajar tempatan dan antarabangsa datang mendaftar.

Menurut Dekan FKP, Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, program baru yang akan ditawarkan ialah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu, Sarjana Pengajian Akidah dan Agama (Kerja Kursus dan Tesis), Sarjana Komunikasi (Tesis) dan Doktor Falsafah Pengajian Akidah dan Agama (Tesis) yang mana masing-masing dalam proses penyediaan dokumen lengkap untuk pihak berkaitan.

"Saya berharap semua kakitangan akademik dapat memberikan sokongan penuh terhadap empat program baru yang dirancang ini dengan melibatkan diri dalam proses penyediaan dokumentasi nanti," katanya lagi. **AN**



Puan Noor Adzrah Ramle
Pensyarah Program Komunikasi

Akhbar: Membina atau Membinasa?

Assalamualaikum Puan Adzrah dan terima kasih diucapkan kerana sudi ditemubual oleh wartawan Al Nashrah dalam membincangkan topik ini.

Ikuti temubual bersama beliau yang merupakan Pensyarah Program Komunikasi, FKP dalam membincangkan trend akhbar pada masa kini.

Al Nashrah (AN): Apa pendapat Puan mengenai profesion wartawan dan perkembangan akhbar pada masa kini?

Pn. Adzrah: Kerjaya wartawan merupakan satu profesion yang mulia dan juga boleh berfungsi sebagai agen dakwah. Perkembangan pesat penyebaran maklumat pada hari ini menyaksikan akhbar sebagai medan memperjuangkan sesuatu isu. Akhbar-akhbar di Malaysia juga dilihat sebagai medium komunikasi serta medan percambahan ilmu pengetahuan apabila kebanyakan aktiviti masyarakat bergantung kepada pelaporan akhbar. Tetapi malangnya kita dapat lihat pada masa yang sama juga akhbar mempamerkan kejelekannya. Pelbagai bahan yang dibawa oleh akhbar hari ini menjerut kepada kebaikan tetapi tidak kurang juga yang mensasarkan kepada kebinasaan.

AN: Bagaimana Puan melihat trend akhbar pada masa kini?

Pn. Adzrah: Secara peribadi saya berpendapat terdapat beberapa elemen dalam akhbar pada hari ini yang didapati kurang menitikberatkan penerapan nilai-nilai Islam terutamanya dari segi kandungan berita, iklan dan maklumat yang dilaporkan. Kebanyakan akhbar tempatan hari ini menyediakan ruang atau kolum agama yang memperkatakan hal-hal agama, ulasannya berkaitan hukum-hakam seiring berlandaskan agama. Namun apabila dilihat dari aspek laporan berita terutamanya yang berkaitan masyarakat, keseimbangan pelaporan dan kolum sedia ada langsung tidak mengikut apa yang diperjuangkannya sendiri.

AN: Boleh Puan berikan contoh?

Pn. Adzrah: Sebagai contoh, rata-rata akhbar berbahasa Melayu di negara ini mempunyai ruang rencana atau soal jawab agama yang mengupas persoalan kewajipan menutup aurat bagi golongan wanita. Tetapi dalam akhbar yang sama juga dipaparkan gambar-gambar wanita berpakaian seperti tidak sepatutnya. Susuk tubuh wanita dieksploitasi secara berleluasa dalam visual berita dan juga ruangan iklan. Wanita digambarkan semacam satu bentuk trofi, bukan lagi menjadi golongan yang perlu dilindungi.

Jika demikian halnya, nilai yang mana satu diperjuangkan oleh akhbar tersebut? Perkara ini sudah pastinya mengelirukan pembaca kerana isu yang dibawa akhbar itu langsung tidak selari dengan paparan sebenar di muka surat yang lain, bak kata pepatah: cakap tak serupa bikin!

AN: Bagaimana pula dengan kandungan laporan dan iklan-iklan di akhbar?

Pn. Adzrah: Jika kita lihat bukan sahaja kandungan laporan tidak seimbang malah pada ruangan iklan dalam akhbar tempatan juga telah menimbulkan kekeliruan. Misalnya, dalam kehebatan akhbar menceritakan keburukan judi dan minuman keras, ada juga peruntukan ruangan iklan minuman keras dan ruang khas keputusan empat nombor ekor secara terang-terangan di dalam akhbar yang sama.

AN: Bagaimana pula dengan cara penulisan sesuatu berita? Adakah corak kandungan berita juga telah berubah?

Pn. Adzrah: Cara sesuatu berita itu diolah juga telah banyak berubah sehinggakan ada juga laporan yang bercanggah dengan akidah dan berita berunsur fitnah akibat dorongan untuk menjadi yang pertama melaporkan berita seumpamanya.

Semua ini sudah tentu tidak sesuai dengan jiwa seorang Muslim sempurna yang merdeka kerana dia yakin semua perbuatannya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

AN: Pada pendapat Puan apakah kesan yang akan diterima akibat percanggahan maklumat seperti yang Puan katakan tadi?

Pn. Adzrah: Percanggahan maklumat seperti ini akhirnya akan merugikan masyarakat. Kekeliruan ini dibimbangi akan melahirkan individu yang bersifat sekular. Mereka akan menunjukkan contoh yang baik hanya pada waktu mereka diperlukan untuk menjadi baik. Namun mereka tidak akan terikat pada nilai-nilai murni sedia ada apabila berada di luar kelompok tersebut.

AN: Maksud Puan?

Pn. Adzrah: Maksudnya di sini kita akan lihat kelompok ini hanya akan kelihatan tertib di masjid, tetapi biadap di luar. Untuk perempuan pula, mereka kelihatan santun bertudung litup ketika menghadiri kelas agama atau semasa di masjid, namun tidak mepedulikan adab dan tingkah laku mereka sebaik sahaja berada di luar persekitaran tersebut.

Ternyata pemikiran sekular ini telah lama wujud dalam syarikat-syarikat akhbar tempatan. Mereka menerbitkan majalah agama, menulis tentang kebaikan dan kemurnian agama seolah-olah merekalah pejuang isu-isu agama. Namun pada masa yang sama, syarikat-syarikat ini turut menerbitkan bahan media yang langsung bertentangan dengan nilai murni yang menjadi perjuangan majalah agama itu. Lebih memalukan, syarikat ini tidak segan-silu menjadi penaja utama penganjuran majlis-majlis hiburan yang jelas mempertontonkan dosa dan maksiat kepada masyarakat.

AN: Baiklah Puan, sebelum kita berakhir boleh Puan berikan sedikit ulasan mengenai isu ini?

Pn. Adzrah: Apa yang dapat saya simpulkan di sini ialah isu ini telah memberi tempas kepada anggota masyarakat yang sememangnya jahil. Mereka akan terus keliru dan tersesat dalam kegelapan. Persoalannya, di mana kita meletakkan peranan kita sebagai pemilik, penerbit dan wartawan Muslim? Kita perlu ingat bahawa tanggungjawab seorang Muslim itu ialah untuk sentiasa ingat-mengingati antara satu sama lain. Adakah kita sudah menjalankan tugas dengan baik? Jika demikian halnya, apakah kerjaya sebagai seorang wartawan di sesebuah syarikat akhbar itu boleh dijadikan sebagai ibadah? Tepuk dada, tanyalah diri sendiri. Semoga kita semua tahu dan sedar akan peranan dan tanggungjawab dalam memelihara keaslian peranan akhbar kepada masyarakat.

AN: Terima kasih Puan Adzrah atas perkongsian ilmu ini.

Pn. Adzrah: Sama-sama. AN

“ Semua ini sudah tentu tidak sesuai dengan jiwa seorang Muslim sempurna yang merdeka kerana dia yakin semua perbuatannya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. ”

Implikasi Daripada Penubuhan Institut Wasatiyah

Oleh: Dr Adanan Mat Junoh

Ketika bulan pertama tahun 2012 belum pun sampai ke penghujungnya, kita dikejutkan dengan satu pengumuman yang sangat signifikan kepada umat manusia di seluruh dunia. Pengumuman itu tidak lain dan tidak bukan ialah penubuhan Institut Wasatiyah oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Kita yakin idea penubuhan Institut Wasatiyah itu sudah lama bermain dalam pemikiran YAB Perdana Menteri, cuma beliau menunggu medan dan arena yang bertepatan untuk diumumkan.

Justeru, pengumuman penubuhan institut tersebut ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Pergerakan Kesederhanaan Global di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 17 Januari 2012 yang lepas amat tepat pada masanya lebih-lebih lagi persidangan tersebut diadakan buat pertama kalinya di Malaysia.

Pengumuman itu menjadi lebih bermakna kerana dibuat di hadapan lebih 300 delegasi dari dalam dan luar negara termasuk pemimpin-pemimpin utama dunia dalam persidangan yang dianjurkan oleh Persatuan Alumni Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Di samping itu, pelbagai krisis di peringkat global yang memerlukan gerakan atau pendekatan yang bersifat kesederhanaan menjadikan pengumuman itu amat bermakna dan mendapat perhatian daripada banyak peringkat.

Istilah wasatiyah telah lama wujud dalam kamus Islam. Namun begitu, istilah ini tidak begitu popular di negara ini sehinggalah pelbagai pihak menganjurkan seminar dan konvensyen untuk membincangkan konsep wasatiyah.

Sebagai contoh, apabila Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Nadi Dialog Malaysia (NADI) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah menganjurkan Konvensyen Wasatiyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara pada 10 dan 11 Jun 2011 di Hotel Pullman, Putrajaya, topik wasatiyah menjadi semakin hangat dibincangkan dan mendapat tempat dalam kalangan pemimpin, ahli akademik serta pentadbir pelbagai agensi sama ada swasta mahupun kerajaan.

Apakah yang dimaksudkan dengan wasatiyah? Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Abdullah Muhammad Zin dalam penulisannya yang bertajuk Pendekatan Wasatiyah Dalam Menghayati 1Malaysia menegaskan dari segi bahasa, wasatiyah bererti pertengahan, dan seimbang (al-tawazun).

Manakala perkataan lain dalam bahasa Arab yang sama dengannya ialah iktidal yang bererti tidak melampau serta tidak cuai dalam setiap perkara dan menunaikan hak pada yang berhak. Penulisan beliau seterusnya telah menggariskan dalam bahasa Inggeris perkataan wasatiyah daripada perkataan wasat yang bererti *middle* atau *balanced*.

Daripada perkataan di atas, jelaslah perkataan wasatiyah ini dikatakan sebagai pendekatan sumber manusia, masyarakat dan negara Islam yang bersifat menyeluruh berdasarkan ajaran Islam yang diamalkan secara sederhana serta berimbang bagi melahirkan masyarakat yang cemerlang.

“ Apakah yang dimaksudkan dengan wasatiyah? Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Muhammad Zin dalam penulisannya yang bertajuk Pendekatan Wasatiyah Dalam Menghayati 1Malaysia menegaskan dari segi bahasa, wasatiyah bererti pertengahan, dan seimbang (al-tawazun). ”

Justeru itu, perbincangan mengenai konsep wasatiyah dalam Persidangan Antarabangsa Pergerakan Kesederhanaan Global itu sangat besar signifikannya terutamanya kepada masyarakat Islam. Pada masa yang sama pengumuman mengenai penubuhan Institut Wasatiyah dan penubuhan Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global (PPG) bakal memberi impak besar kepada persekitaran global yang semakin hari terhimpit dengan fahaman yang berbeza sehingga mengganggu-gugat kesejahteraan umat manusia.

Sesungguhnya, institut yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dipengerusikan oleh Universiti Malaya itu bakal memberi tumpuan terhadap aspek kesederhanaan dan keseimbangan menerusi rasa hormat terhadap demokrasi, peraturan dan undang-undang, pendidikan, maruah dan harga diri seseorang serta keadilan sosial.

Pada masa sama, sudah tentu institut ini akan menjadi pusat penyelidikan dan rujukan kepada semua masyarakat dunia yang berminat dengan pendekatan wasatiyah. Pelbagai ilmu baru bakal terhasil melalui pelbagai penulisan dan penyelidikan pastinya memberi impak besar kepada masyarakat dunia.

Di samping itu, masyarakat dunia tentu sekali sedang menunggu dengan penuh minat kemunculan tokoh-tokoh yang menerajui semangat kesederhanaan seperti al-Imam Ibnul Qayyim yang bakal terhasil dari institut ini. Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri dan Universiti Malaya tentunya mempunyai perancangan yang tersendiri untuk membangunkan institut ini ke tahap yang memberi impak besar kepada umat manusia.

Persoalannya, apakah sumbangan kita untuk membangunkan institut ini? Kita tidak boleh lari daripada menjadi pemain utama terhadap pembangunan institut ini, lebih-lebih lagi dalam menjayakan konsep wasatiyah yang dianjurkan oleh agama Islam yang suci ini. **AN**

Penulis ialah Timbalan Dekan Pengurusan Prestasi dan Pembangunan Pelajar, FKP.

Keikhlasan Dalam Komunikasi: Satu Pandangan



Oleh : Musa Abu Hassan

Komunikasi adalah satu kemahiran utama yang perlu dimiliki dan dikuasai oleh setiap orang. Tanpa kemahiran komunikasi seseorang itu akan sukar melalui jalan hidup. Secara fitrahnya setiap orang mempunyai kemahiran komunikasi kerana apabila kita dilahirkan kita telah mula berkomunikasi dengan tangisan atau tanpa tangisan. Kemudian kita diasuh untuk berkomunikasi dengan beradab dan mempelajari cara-cara berkomunikasi secara formal atau mengikut apa yang dialami juga melalui pemerhatian.

Pada masa kini, aktiviti komunikasi menjadi makin rumit kerana terdapat banyak perkakasan serta bentuk komunikasi yang perlu dikuasai oleh setiap orang. Tambahan pula setiap orang akan terus berkomunikasi secara sedar atau tidak selama 24 jam sehari tanpa henti. Jadi, dalam kesibukan berkomunikasi kita sesama insan lain, elok rasanya kita bermuhasabah diri, melihat kembali sama ada cara atau perlakuan komunikasi itu telah dilakukan secara ikhlas atau sambil lewa sahaja.

Sebagai seorang Muslim, ikhlas adalah satu tuntutan dalam setiap perlakuan kita. Akan tetapi amat sukar untuk kita 'melihat' keikhlasan. Menurut para ilmuwan agama mereka menggambarkan ikhlas itu sebagai semut hitam yang berjalan di atas batu hitam pada waktu malam yang gelap gelita. Oleh itu bagaimanakah caranya supaya kita dapat menzahirkan keikhlasan dalam komunikasi? Apabila kita berkomunikasi secara ikhlas, ia akan mendatangkan barakah kepada kedua-dua pihak serta membuatkan mereka terkesan dan amat puas hati dengan komunikasi yang telah dilakukan.

Sebelum kita berbicara lanjut tentang ini, elok rasanya kita imbuah kembali proses komunikasi yang sering dilakukan setiap hari. Secara kasarnya kita terlibat dalam komunikasi verbal (percakapan dan penulisan) dan komunikasi bukan verbal (selain dari percakapan dan penulisan). Malah dalam komunikasi verbal terdapat unsur komunikasi bukan verbal.

Kajian dalam bidang komunikasi mendapati bahawa komunikasi bukan verbal adalah lebih penting dan berkesan semasa komunikasi, berbanding komunikasi verbal. Adalah dianggarkan 93 peratus mesej komunikasi antara dua insan berlaku dalam bentuk bukan verbal. Jadi tidak hairanlah jika dikatakan bahawa perlakuan manusia secara sengaja atau tidak sengaja merupakan mesej komunikasi yang paling berkesan.

Keikhlasan dalam komunikasi melibatkan dua pihak yang saling berkomunikasi kerana ia merupakan proses dua hala. Untuk mencapai keikhlasan dalam komunikasi atau menunjukkan bahawa kita berusaha untuk berkomunikasi secara ikhlas, cubalah perkara-perkara berikut semasa berkomunikasi dengan orang lain secara bersemuka:

- Mulakan komunikasi dengan niat yang baik, suci dan bersih
- Mulakan dengan senyum ikhlas
- Sentiasa ceria semasa berkomunikasi
- Merancang untuk berkomunikasi, ambil kira kesan yang akan timbul sekiranya sesuatu perkataan disebut atau sesuatu perbuatan dilakukan
- Gunakan nada suara yang sederhana
- Lihat muka orang yang kita sedang berkomunikasi, berhadapan
- Jika berjabat tangan, hendaklah digenggam erat dengan selesa, bukan setakat sentuh sahaja
- Beri peluang orang yang kita sedang berkomunikasi bercakap dan dengar dengan teliti
- Sesama menjaga hati, kawal perasaan atau emosi
- Tidak curiga mencurigai antara satu dengan yang lain
- Jangan paksa orang yang kita sedang berkomunikasi memberi respon segera terhadap isu yang dibincangkan
- Hargai pandangan yang disampaikan
- Menolak pandangan dengan berhemah dan berikan alasan atau alternatif yang sesuai
- Tamatkan sesi komunikasi berkenaan secara persetujuan bersama

Usaha untuk berkomunikasi secara ikhlas dan berhemah amat digalakkan untuk membina dan memperkukuhkan silaturrahim sesama umat Islam. Dengan cara ini ukhuwah yang terjalin akan mendatangkan manfaat yang berlipat ganda kerana kita dapat membuatkan orang yang kita berkomunikasi berasa senang hati. Perkara-perkara yang tersenarai di atas merupakan sebahagian sahaja usaha yang terfikir oleh penulis yang mempunyai latar belakang komunikasi. Mungkin ada sarjana atau pembaca yang lebih arif tentang keikhlasan dapat menambah lagi perkara di atas untuk dimanfaatkan bersama. Mengikuti maksud hadis "Sampaikanlah ilmu, walaupun sepotong ayat." AN

Penulis ialah Profesor di Program Komunikasi, FKP.

Bidang Psikologi Fahami Perubahan Tingkah Laku Manusia

Oleh: Rezki Perdani Sawai

Apabila ditanya kepada para pelajar apakah erti psikologi pada mereka, rata-rata jawapan yang mereka berikan berkisar kepada bidang yang mengkaji tentang mereka yang mempunyai masalah mental atau jiwa kacau. Jawapan itu benar tetapi itu cuma salah satu daripada topik yang diajar dalam psikologi yang dikenali sebagai Psikologi Bilazim. Bidang psikologi lebih meluas maksudnya. Psikologi adalah satu bidang yang saintifik mengkaji tentang tingkah laku dan proses mental. Kalau boleh saya katakan ia adalah satu bidang yang mengkaji tentang diri individu itu sendiri. Dengan belajar psikologi, kita mampu mengetahui dan mengenali diri dari hujung rambut hingga ke hujung kaki, dari saat disenyawakan, dilahirkan, dibesarkan hinggalah saat kematian. Kesemua ini dibincangkan dalam Psikologi Perkembangan. Psikologi Perkembangan adalah satu disiplin yang cuba mengenal pasti serta menerangkan perubahan dan perbezaan yang berlaku pada individu sama ada dari segi mental, fizikal, sosial dan emosional. Tiada dua orang yang sama dari segi perkembangan hatta mereka yang dilahirkan kembar sekalipun.

“ Contohnya, mengapakah seseorang sanggup membunuh diri hanya kerana cinta atau mengapakah seseorang itu jatuh cinta? Atau mengapakah kita berasa takut akan sesuatu? Atau mengapakah kita merasa lapar atau haus dan mendorong kaki melangkah untuk mendapatkan makanan atau minuman? Kesemua ini terjawab apabila kita mempelajari salah satu tajuk dalam psikologi iaitu motivasi dan emosi. ”

Selain itu, psikologi membantu memahami mengapa manusia bertindak atau melakukan sesuatu. Sebab dan musabab sesuatu perkara. Adakah mereka melakukan sesuatu kerana didorong oleh kemahuan diri sendiri atau kerana faktor luar seperti ganjaran yang mereka perolehi apabila telah melakukan sesuatu? Terlalu banyak persoalan yang bermain di kepala tatkala kita menatap surat khabar, menonton televisyen atau mendengar radio tentang sesuatu isu atau sekadar memikirkan tentang sebab disebalik kita melakukan sesuatu dalam kehidupan seharian. Contohnya, mengapakah seseorang sanggup membunuh diri hanya kerana cinta atau mengapakah

seseorang itu jatuh cinta? Atau mengapakah kita berasa takut akan sesuatu? Atau mengapakah kita merasa lapar atau haus dan mendorong kaki melangkah untuk mendapatkan makanan atau minuman? Kesemua ini terjawab apabila kita mempelajari salah satu tajuk dalam psikologi iaitu motivasi dan emosi. Motivasi adalah suatu tenaga penggerak yang dapat memperkuat dan mendorong seseorang untuk bertingkah laku. Ini bermakna perbuatan seseorang tergantung kepada motivasi yang mendasarinya.

Selepas kita memahami sebab musabab sesuatu tingkah laku, psikologi membantu dalam memberikan jawapan bagaimana untuk menangani sesuatu masalah itu. Contohnya, bagaimanakah untuk membantu seseorang menangani tekanan (stress), membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran dan sebagainya. Jelaslah bahawa psikologi mempunyai nilai praktikal. Yang membezakan ahli psikologi dan orang biasa dalam memahami tingkah laku manusia ialah ahli psikologi mencari jawapan menggunakan pendekatan yang saintifik. Pendekatan saintifik bermaksud semua andaian perlu dibuktikan dan boleh diuji secara empirikal. Dalam mengkaji tentang seorang kanak-kanak yang genius, penyelidik akan melihat sama ada terdapat hubungan kecerdasan dengan beberapa kemungkinan yang mempengaruhi kecerdasan itu sama ada dari segi genetik atau persekitaran. Atau mungkin juga dalam mengkaji kenapa seseorang pekerja sukar untuk menerima perubahan, juga akan melibatkan pelbagai faktor atau kemungkinan. Kesemua andaian (hipotesis) yang dibuat perlu diuji. Sekiranya tiada kesimpulan yang boleh dibuat atau tiada jawapan yang mudah untuk menyelesaikan sesuatu masalah itu, penjelasan penuh tentang faktor atau kemungkinan yang mempengaruhi sesuatu tingkah laku amat membantu. Justeru itu, dalam pengamatan saya, ini adalah satu lagi sebab mengapa kita perlu belajar psikologi. Ia mengajar kita tentang kerumitan sesuatu tingkah laku (complexity of behavior). Belajar menerima kerumitan sesuatu tingkah laku adalah pengajaran yang paling bermakna untuk setiap individu kerana akhirnya ia membantu kita menghargai perbezaan dan keunikan setiap individu. **AN**

Penulis ialah Pensyarah di Program Kauseling, FKP

Peserta Lawatan Akademik dan Teknikal ke Bandung Indonesia bergambar kenangan sejeurus selesai lawatan selama enam hari di sana bermula pada 1 Februari 2012.



Prof. Dr. Zulkipli Abd Ghani ketika menghadiri lawatan kerja USIM ke Brunei Darussalam pada 17 hingga 22 November 2011 sempena Pameran Malaysian Show Case dan melawat tiga buah IPT di Brunei iaitu UNISSA, KUPUSB dan UBD untuk menjalinkan kerjasama dengan USIM



Sebahagian pelajar Pusat Tahfiz Al Quran Sultan Haji Hasanal Bolkiah (TAQSHHB) yang cacat penglihatan menunjukkan cara penggunaan alat yang khusus digunakan untuk menaip tulisan jawi menggunakan kaedah Braille kepada peserta lawatan akademik ke Brunei pada 9 hingga 14 Februari 2012.



Sebahagian daripada staf Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan bergambar kenangan sejeurus selesai Majlis Makan Tengahari bersama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi Malaysia (AKEPT) di Royal Chulan Hotel, Kuala Lumpur pada 29 Februari 2012



Delegasi dari Foundation of Islamic Education Yala, Thailand bergambar kenangan di pintu masuk Bangunan Canselori USIM bersama Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani sempena mengadakan lawatan kerja pada 17 Februari 2012. Turut kelihatan ialah Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Dr. Asmaddy Haris



Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani sewaktu menjadi Dekan FKP bergambar kenangan sejeurus selesai menghadiri lawatan kerja dari Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) pada 14 Februari 2012. Turut kelihatan ialah YBhg Prof. Dato' Dr. Asin Dollah, Timbalan Naib Canselori HEPA, USIM



Antara staf FKP dan pelajar-pelajar FKP yang turut serta dalam perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat Universiti pada 8 Mac 2012



Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan pelancaran buku "Pendekatan Wasatiyyah dalam Menghayati 1 Malaysia" sempena Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia di Dewan Konvensyen PWTC pada 30 September 2011



Gaya Cik Norain Saaluddin ketika membuat pembentangan semasa Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) USIM pada 11 Januari 2012



Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Abdullah Md Zin menjawab pertanyaan daripada wartawan ketika mengadakan sidang media sempena Karnival TRAN-SPI di Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan pada 27 September 2011



Gaya seorang Tokoh Negerawan ketika menjawab soalan yang diajukan oleh peserta Persidangan Kepimpinan Islam Antarabangsa selepas beliau selesai menyampaikan ucapan utama. Turut kelihatan ialah Lembaga Pengarah USIM iaitu YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh




Prof. Madya Dr. Abdul Halim Husin ketika memberikan taklimat ringkas mengenai bahan yang dipamerkan oleh Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud dan Yang Amat Mulia Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz



Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dikerumuni peserta Persidangan Kepimpinan Islam Antarabangsa semasa kehadiran beliau untuk menyampaikan ucapan utama dalam persidangan tersebut pada 4 Oktober 2011




Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ketika melancarkan buku Biografi Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukur Hj Husin pada 31 Januari 2012. Turut kelihatan ialah Pengerusi USIM iaitu YBhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor dan Naib Canselor USIM iaitu YBhg Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda



Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib Tun Razak diberi penerangan oleh adik Nur Khairina Aleyya Hamdan ketika melawat booth Akademi Permata Insan semasa Majlis Pelancaran Ekspo PERMATA pada 10 Disember 2011. Turut sama ialah Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Seri Dr. Hajjah Rosmah Mansor dan Datuk Prof. Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim



Apa agaknya yang diperkatakan oleh En Zaliridzal kepada Dr. *Pumaisudin* ketika perantaraan, sukaneke FKP yang diarakkan di Puteri Resort Melaka sempena Bengkel Hala Tuju FKP pada 27 hingga 29 Disember 2011



Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda menghadihkan cenderamata USIM kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak di booth USIM sempena Karnival TRAN-SPI



Batin Omjak Pikau ketika menerima cenderamata daripada Yang Berbahagia Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda sambil diiringi oleh Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani sempena lawatan masyarakat Orang Asli ke FKP

Why We Use Rubric In Assessment Skills

By: Salhah Abdullah

A rubric is an authentic assessment tool used to measure students' learning outcomes and skills. It is a scoring guide that seeks to evaluate a student's performance based on the sum of a full range of criteria rather than a single numerical score. A rubric is a working guide for students, teachers and lecturers. Rubric should be handed out before the assignment begins in order to get students to think about the criteria on which their work will be judged. Rubrics can be analytic or holistic. It can be created for any content of subjects especially to assess skills.

The rubric is one authentic assessment tool which is designed to simulate real life activity where students are engaged in solving real-life problems. It is a formative type of assessment because it becomes an ongoing part of the whole teaching and learning process.

Students themselves are involved in the assessment process through both peer and self-assessment. As students become familiar with rubrics, they can assist in the rubric design process. This involvement empowers the students and as a result, their learning becomes more focused and self-directed. Authentic assessment, therefore, enhance teaching and learning. For beginner, we can adopt and adapt any format of rubric and free to explore the Common Features/ Advantages of rubrics, creating a rubric, rubric template and sample. This rubric can be used in assessment of counseling students. Example is as follows:

SUBJECT: INDIVIDUAL COUNSELING LAB Individual Assignment: Report of counseling session Review Evaluation Rubric

Scores	Learning outcome	Assessment Techniques	Report	Analysis
0-20	Undeveloped	Absence of defined counseling: techniques and skills theory applied Format: Summary of client's problem Contents	No self-evaluation techniques currently in use No written report No reference	Little or no analysis of skill
21-40	Developing	Defined counseling briefly: techniques and skills theory applied Format: Summary of client's problem Contents	Self-evaluation techniques still being unidentified Written report Mostly narrative references	Some analysis done, but not shared or discussed
41-60	Satisfactory	Defined clearly counseling : techniques and skills theory applied	Self-evaluation techniques being identified Written report Narrative and quality references	Analysis done, shared and discussed

Scores	Learning outcome	Assessment Techniques	Report	Analysis
61-80	Established	Format: Summary of client's problem Contents arrange properly Defined clearly counseling with examples: techniques and skills theory applied Format: Summary of client's problem Contents arrange properly	Self-evaluation techniques being identified and explained briefly Written report Narrative and quality references	Analysis done, shared and discussed clearly
81-100	Excellence	Detail definition of counseling techniques and skills theory applied with examples and justification : Format: Summary of client's problem Contents arrange properly	Self-evaluation techniques being identified and explain clearly Written report Narrative and quality references	Analysis done, shared or discussed critically

“ The rubric is one authentic assessment tool which is designed to simulate real life activity where students are engaged in solving real-life problems. It is a formative type of assessment because it becomes an ongoing part of the whole teaching and learning process. ”

The author is a lecturer in Counseling Program, FKP

Menangani Gejala Plagiarisme Dalam Penulisan Akademik

Oleh: *Khairunneezam Mohd Noor*

Gejala plagiarisme adalah satu perbuatan yang tidak beretika dan saling tak tumpah konsepnya seumpama merompak. Begitu juga dengan apa yang berlaku dalam dunia penulisan akademik, plagiarisme atau meniplak adalah unsur pemusnah kemurnian dan martabat ilmu pengetahuan. Plagiarisme berlaku apabila seseorang menghasilkan semula atau meniplak hasil ilmiah milik orang lain sama ada dalam bentuk perkataan-perkataan, idea-idea atau penemuan-penemuan tertentu. Kemudiannya, hasil yang diciplak itu dipersembahkan sebagai hasil ilmiah dirinya tanpa memberi pengiktirafan atau citation yang sepatutnya kepada pemilik asal hasil ilmiah tersebut.

Terdapat tiga bentuk plagiarisme yang biasa diamalkan. Pertama, peniruan secara langsung perkataan-perkataan, perenggan-perenggan, atau sebarang bahan yang diambil daripada bahan terbitan orang lain tanpa usaha yang sewajarnya dalam mengiktiraf sumber asal bahan ilmiah tersebut. Kedua, pengubahsuaian perkataan-perkataan orang lain tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Ketiga, menggunakan idea-idea yang secara langsung diambil daripada orang lain tanpa memberikan pengiktirafan kepadanya.

Diakui bahawa dengan teknologi 'dunia di hujung jari' melalui Internet pada masa kini, seseorang pelajar mampu menyiapkan kertas kerja atau tesisnya dengan jalan pintas yang cepat. Namun, mengambil bulat-bulat atau sebahagian daripada karya milik orang lain dan memperakukan bahawa ianya adalah hasil karya sendiri adalah satu perbuatan yang membuktikan kemalasan seseorang yang melampau dan sungguh keji. Di mana letaknya kualiti penulisan akademik dan etika seseorang pelajar itu andai dia meniru dan meniplak karya hak milik orang lain sewenang-wenangnya?

Untuk itu, pensyarah dan pentadbiran universiti diminta untuk tidak berkompromi dengan pelajar yang melakukan kesalahan sebegini. Walaupun statistik berlakunya kes-kes plagiat ini masih lagi bersifat terpinggir, namun jika ianya dibiarkan terus berleluasa, dirasakan bahawa ia akan memberi impak yang cukup negatif terhadap usaha pembentukan siswazah yang berkualiti dan pengayaan karya-karya akademik yang boleh dikongsi bersama oleh semua pihak. Berdasarkan kertas kerja '*Plagiarism and the Reputation of the University: How to Distribute Effort between Educating Students on Attribution and Rigorous Detection of Cheating*' yang dibentangkan oleh *Geoffrey Crisp* dalam '*Australian Universities Quality Forum (2004)*' terdapat beberapa pihak yang bertanggungjawab mencegah usaha plagiarisme dalam penulisan akademik iaitu universiti dan fakulti, pensyarah dan para pelajar.

Pihak universiti mesti mewujudkan atau jika sudah ada, kuatkuasakan sebaiknya undang-undang berkenaan plagiarisme dan makluman tentang kesalahan dan kesan negatifnya kepada semua pensyarah dan pelajar. Pastikan bahawa dalam buku panduan akademik di setiap fakulti mengandungi maklumat dan kaedah penulisan sumber rujukan yang tepat sebagai cara mencegah dan menangani sebarang plagiarisme. Hanya dengan cara memberi pengiktirafan terhadap

pemilik karya asal, barulah cedukan idea dan frasa-frasa tertentu dari karya asal tersebut 'dihalalkan' dalam konteks penulisan akademik.

Pihak pengurusan fakulti boleh mengaplikasikan perisian komputer dalam talian yang dapat mengesan sebarang aktiviti plagiarisme dalam penulisan tesis atau tugas pelajar. Perisian-perisian seperti ini diaplikasikan oleh kebanyakan universiti-universiti di seluruh dunia yang digunakan secara meluas dalam menangani isu plagiarisme dalam penulisan akademik oleh pelajar. Misalnya, perisian-perisian komputer seperti Turnitin, Scan My Essay dan Word Check System cukup komprehensif dan efektif dalam menemukan sebarang unsur plagiarisme dalam tesis dan penulisan akademik secara atas talian.

Para pensyarah berperanan untuk membimbing akan konsep plagiarisme kepada para pelajar bukan sekadar dalam penulisan tesis, bahkan dalam tugas, laporan mingguan, pembentangan, dan sebagainya. Seeloknya setiap pelajar perlu dilatih tentang bagaimana kaedah penulisan akademik yang baik dengan menggabungkan idea-idea sendiri dan idea-idea daripada pelbagai sarjana dalam bahan rujukan yang lain. Para pelajar perlu diterangkan tentang peri pentingnya kaedah penulisan rujukan yang tepat sebagai usaha menghargai para penulis melalui tulisan dan idea yang telah dimuatkan di dalam tugas akademik para pelajar tersebut. Pensyarah juga perlu tegas mengambil tindakan terhadap pelajar yang masih degil membuat tugas akademik secara plagiat sama ada meminta pelajar mengubah suai tugas tersebut atau melaporkannya kepada pihak universiti.

Para pelajar pula bertanggungjawab dalam menghasilkan sebarang penulisan akademik atau tesis agar tidak mengandungi unsur plagiarisme. Setiap universiti mempunyai buku panduan penulisan akademik dan mereka perlu menuruti semua sistem dan disiplin penulisan yang telah ditetapkan. Mereka perlu sedar bahawa penulisan akademik adalah satu usaha universiti untuk mengasah dan menyerlahkan tahap kebolehan akademik mereka sendiri. Jadikanlah penulisan akademik sebagai sumber terbaik untuk menyerlahkan daya pemikiran dan keintelektualan. Apalah artinya kepuasan dalam usaha penulisan akademik andai seseorang pelajar itu mendapat gred 'A' dalam tesisnya, tetapi ia bukan secara mutlaknya hasil karya pelajar tersebut dan diplagiat daripada sumber-sumber lain.

Sekiranya kesemua pihak yang disebutkan di atas secara serius mengambil langkah sewajarnya dalam membendung gejala plagiarisme, adalah diyakini bahawa kemurnian dunia penulisan akademik akan dapat disuburkan. Andai suatu hari nanti kita terjumpa hasil penulisan akademik kita diplagiat dan dirompak oleh orang lain dan ianya dijadikan satu bahan yang dikomersialkan serta mendapat untung, apa agaknya perasaan kita pada masa itu? **AN**

Penulis ialah Tutor di Program Da'wah dan Pengurusan Islam, FKP

Documentary Film: A Step To Da'wah

By: Zaheril Zainudin

Today's world posits a state of affairs with full of fascination. People often forget and disregard that default to the instruction of the Almighty. Therefore, as recommended by the Sunnah, a continuing and on-going process of da'wah should be done by all Muslims. Allah said, *And we have sent you O Muhammad, not but as a mercy for humankind and all that exist*" (Quran, 21: 107).

Documentary film and video production is one of the deeds for da'wah and religious teaching. In an era of globalization, communication technology has changed the way of spreading da'wah to the mass audiences. This irregular method gives opportunities and opens the doors to individual, media practitioners, bloggers and others to amplify da'wah and transmit information and knowledge to the community through drama, documentary, film, personal websites and music.

There is nothing more fun in this globalizing world than producing a documentary on any subject that contains enough depth to warrant detailed coverage. This is based on my several experiences during the making of *Revisit Nomad of the Jungle* (2001), *Tsunami Disaster: Aceh Indonesia* (2004), *Earthquake Disaster: Balakot Pakistan* (2005), *Hijrah: Transforming Malaysia* (2011), *Kilauan Kristal* (2011) and *Institusi Hati: Darul Quran* (2011).

Let's start by defining "documentary style" beyond the length of the finished piece. Fundamentally, a documentary is any low budget video or film that informs audience about a topic or issue and usually have a small crew and do not stage anything. In the same vein, documentaries are fact-based, information driven videos and provide educational information as coined in the film, *The X-Files*, "the truth is out there." Theoretically, documentaries are documenting reality. Many people have imagined making a documentary as trouble-free. However, making a documentary is not as simple as it seems. This is because typical documentaries also include video taken in a run-and-gun, fast paced style.

While I myself involved in the field of communication, this piece of writing is going to give some input and ideas what documentary film is all about since I get lots of questions asking where to start when making a documentary-style video. Here are some of the answers!

- **Appetizer documentary movies.** Go see them on the big screen if you can. If not, then hit your local video store. You can even watch them online at websites like *FourDocs* and the *Documentary Film Network*. Learn what makes or breaks a documentary film. Think about types of documentary films you like. Learn the various genres and filmmaking styles.

- **Fall in love with technical equipment.** Beg, borrow, and steal equipment like DV cameras, Final Cut Pro or Pinnacle editing systems, cheap mics, and flood lights. Experiment with lighting setups, audio recording, and splicing clips together.
- **Pick and choose a compelling and fascinating subject that accessible to you.** Choosing a subject that is compelling and timely will result in a strong and relevant film. It is often better to focus on a local personality or local event so that

you will have access to loads of resources for your film. Besides, it is much simpler and cheaper to shoot at hometown than abroad.

- **Turn out to be an expert on your chosen subject from side to side of research.** Research your subject as thoroughly as possible. Gain knowledge through the internet, books, and word of mouth. Attend events pertaining to your chosen subject.
- **Craft a structure or outline for your film through visualization.** Close your eyes and imagine how you would like the final product to look. Think about how you want to structure your film. What do you want to start with? How are you going to build your film? Write down your ideas. This will give you a blueprint for shooting. But remember that in documentary filmmaking, unlike fictional filmmaking, the footage informs the final structure of the film. Your original written outline exists to serve as a guideline for shooting.
- **Analyze your requirements or desires for making the film.** Make a wish list of any people, locations, items, equipment you WISH you could have for your film. Cross-reference this list with any people, locations, items and equipment that you do have access to. Ask people. Check with local art centers, film departments at universities and colleges. Talk to the local film office. If you still can't find it then go to Facebook, Twitter or MySpace and notice if you recognize someone who knows a big shot who can help fulfill some of the items on your wish list. If you are looking for footage, check with stock libraries for material that is in the public domain and free to use.
- **Find finances for your film.** Use Google or check with your local film office to find out what existing documentary funding programs are available to you. For example, the International Documentary Association has a great list of grants you can apply for. Hold fundraising events. Other options are using own money or borrow from Ma and Pa.
- **Shoot! Don't talk about doing it - get out there and shoot your film.** This is the step that differentiates the aspiring filmmakers from the actual filmmakers.
- **Post-production.** Fast forward through all of your footage, and take printable screenshots of key scenes. This way you simplify the editing process by creating a visual map of your footage. Once this is done you should watch ALL of your footage and create an action log listing timestamps. This will help you to save time in the editing room.
- **Preview your film!** Upload it to the internet, four-wall it in a theatre, send the cut to distributors or networks to see if they are interested, hit the festival circuit. If all else not forthcoming, invite people to your place to screen. Burn multiple DVDs and get the film into the hands of family, friends, neighbours, coworkers, anyone you know who is in the film industry.

In a nutshell, producing documentary film can be one of the methods to increase the understanding of Islam to the people out there. With the good content, idea, cinematography and a good script, I believe the effort to broaden da'wah can be achieved. Furthermore, producing documentary also enhance our social responsibility as a Muslim in presenting the truth. As mentioned in Hadith by Prohet Muhammad PBUH, "Sampaikan ilmu walau sepotong ayat". Wallahu A'lam. **AN**

The author is a tutor in Communication Program, FKP

ZEST FOR LIFE: TWINKLE IN THEIR EYES

By: Dini Farhana Baharudin

"The child must know that he is a miracle, that since the beginning of the world there hasn't been, and until the end of the world there will not be, another child like him."

Life is to be lived to the fullest. It is sad that when we ask young people nowadays, "How's life?" the most common reply we might get is "Boring..."

How can this be?! There is so much ahead of them and yet at their age, they are already saying that they are bored. How sad but how true! That is the state of our young people today.

Honestly, parents must take the lion's share of the blame for not creating the twinkle in their children's eyes.

But how do we, as parents, create and nurture that 'sparkle in their eyes'?

Remember that our child is unique: Don't normalize them

There is no one exactly like your child. Every child has his/her unique personality, gift, talent, strength or weakness and dreams and fears. We have to believe that this uniqueness is your child's gift to you and to the world. We need to help them discover their gift.

Understand multiple intelligences: Don't limit them

Islam is not just a worship program, but a comprehensive, intelligent and practical life system. Islam respects all the different components of the human being equally and regulates them to their full potential, rather than suppressing them (which hurts the individual), or setting them completely uncontrolled (which causes damage to the community and environment) (Shaikh, 2010).

The traditional notion of intelligence based on IQ testing is far too limited. People are now starting to talk about Emotional Intelligence (EQ) (Goleman, 1995) as well as Spiritual Intelligence (SQ) (Zohar).

Gardner (1989) proposed eight different intelligences to account for a broader range of human potential in children and adults which are:

- (1) Linguistic intelligence/word smart,
- (2) Logical mathematical intelligence/number-reasoning smart,
- (3) Spatial intelligence/picture smart,
- (4) Bodily-kinesthetic intelligence/body smart,
- (5) Musical intelligence/music smart,
- (6) Interpersonal intelligence/people smart,
- (7) Intrapersonal intelligence/self-smart,
- (8) Naturalist intelligence/nature smart.

According to Ibn Qayyim (Syaikh Jamal Abdurrahman, 2010), it is incumbent on us to find out what our children are really good in and encourage them in that direction.

Let the children experiment and discover: Don't box them in

Children are naturally curious. They want to experiment and take risks. The worst thing a parent can do is to box our children to do what we like. Never force a child to do what he or she does not want to do. It is futile. It only makes their life more miserable (Syaikh Jamal Abdurrahman, 2010).

Observe and encourage learning: Don't criticize them

As we allow experimentation, observe and be involved in their learning process. That means spending time with them. Join them in their pursuits, even in their computer games or in music that may not be your cup of tea. Observe what they are good at doing and applaud their moments of success. Comfort them in times of failure. Don't be quick to criticize them when they make mistakes. Encourage them to learn from mistakes. Failure is not final unless we make it so.

Therefore, as parents, we need to ask this question – "What kind of parent have I been that my children's eyes do not twinkle?" Life is just too short to waste.

Spend more time listening and less time telling; more time laughing and less time scolding; more time doing the things they want to do and less time doing things we think they need to do. Let's spend the year building happy memories of childhood for our children. **AN**

“ Islam is not just a worship program, but a comprehensive, intelligent and practical life system. Islam respects all the different components of the human being equally and regulates them to their full potential, rather than suppressing them (which hurts the individual), or setting them completely uncontrolled (which causes damage to the community and environment) (Shaikh, 2010). ”

The author is a lecturer in Counseling Program, FKP

دور علم الكلام في مواجهة التحديات المعاصرة

الدكتور كمال الدين نور الدين مرحوني

منذ بدء تأسيس الأمة الإسلامية ودولتها في المدينة المنورة، وهي تواجه التحديات الداخلية والخارجية، فقد رافق التأسيس العديد من التحديات الداخلية والخارجية التي فرضت نفسها على الدعوة التي قادها النبي الأمين صلى الله عليه وسلم، ومنذ الانطلاق تواجه الأمة الإسلامية التحديات في كل زمان وفي بقعة امتدت لها رسالة الإسلام، وما زلنا الآن نواجه التحديات الداخلية الخطيرة وهي: الحركة التشديدية أو التطرف الديني، والحركة التكفيرية، والحركة الليبرالية.

إن الإسلام دين الرحمة والتسامح والوسطية. وقد تميزت هذه الأمة عن غيرها من الأمم بكونها أمة وسطاً، قال الله تعالى: (وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِنَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا). من هذه الآية نفهم أن الدلالة الاصطلاحية لمذلول الوسطية تعني التوازن، والاعتدال، والسمو، والرفعة، بين طرفي الغلو والتقصير. فالوسطية منزلة بين طرفين أي بين الغلو والتقصير وكلاهما مذموم. ومن هنا تميز ديننا بالسماحة، والسير، ورفع الحرج عن أتباعه ومع هذا الوصف لهذه الأمة والدين، إلا أن أقواما خالفوا مقاصد الشارع الحكيم وخرجوا عن سمة أمة الوسط والاعتدال، وتكبووا الطريق السوي وانحرفوا عن المنهج الصحيح ونزعوا إلى الغلو والتشدد. هذه الظاهرة المؤلمة قد أعطت فرصة لأعداء الإسلام لشحن حملة ظالمة من الافتراءات والمزاعم التي أرادت أن تلتصق بالإسلام ثم التمسك بالاعتدال وعدم التسامح وغير ذلك من الدعاوى التي لا أصل لها في الإسلام، ولا سند لها في العلم، ولا من الواقع التاريخي. فكان هؤلاء بقصد منهم أو بغير قصد عوناً لأعداء هذه الأمة على تحقيق مرادهم في النيل من الإسلام وأهله.

والحقيقة أن هذه التحديات هي أكثر وأعظم التحديات الداخلية تعقيدا في تاريخ هذه الأمة. ومن هنا نرى أن لعلم الكلام دورا مهما وله أهميته في بيان الفكر الإسلامي الاعتدالي، وبخاصة إذا رجعنا إلى أول تاريخ لعلم الكلام، لوجدنا أنه نشأ أول ما نشأ للدفاع عن العقيدة والدين، ثم ما لبث أن تحول إلى أداة تستخدمه الفرق والطوائف والتيارات للدفاع عن آرائها واتجاهاتها. وبعد أن كانت أدلته عقلية في خدمة عقائد القرآن وآياته أصبح القرآن وآياته أداة في يد تلك التيارات والفرق والطوائف تطوعه لنصرة آرائها واتجاهاتها. الأمر الذي جعل طوائف غير قليلة من العلماء ترفضه وتشك في جدواه، وتطعن فيه.

وعلم الكلام لم ينشأ في الإسلام نتيجة سبب بعينه، وإنما هو نتاج أسباب متضامنة، وعوامل متضافرة اقتضت وجوده على الصورة التي نراه عليها في تاريخ الفكر الإسلامي، فهناك عوامل منبعثة من داخل الجماعة الإسلامية ذاتها كالاختلاف حول بعض النصوص الدينية، مما أدى إلى اختلاف وجهات النظر في تفسير العقائد، والخوض في مشكلات عقائدية نظرية لم يعرفها الجيل الأول من المسلمين، وكالاختلاف السياسي الحادث حول مسألة الإمامة، وهو الخلاف الذي أدى إلى ظهور الفرق والمذاهب والتيارات، وهو وإن كان سياسياً في منشئه إلا أنه تطور فأصبح متعلقاً بالعقائد، وهناك عوامل وافدة من خارج الجماعة الإسلامية، أعانت على وجود علم الكلام وازدهاره وذلك مثل الالتقاء بحضارات وديانات وعقائد أخرى.

ونحن الآن في حاجة ماسة وملحة إلى إبراز دور علم الكلام في الحفاظ عن العقيدة الإسلامية وسلامة الفكر الإسلامي المعاصر. وذلك أن مبدأ علم الكلام أساسه حفظ العقيدة وإثباتها عن طريق الأدلة العقلية، وليس إنشاء العقيدة في قلب المؤمن، فهو بذلك يقوم ببيان العقيدة، وبيانها، وشرحها، وتدعيمها بالأدلة العقلية، وتمييزها عما يغايرها من عقائد وأصول منحرفة عن الدين، والمرد على الشبه التي يوردها أصحاب الديانات المخالفة للإسلام. إذن، فقد جاء علم الكلام ليواجه جملة من التحديات والإشكالات التي واجهت العقل المسلم على مستوى العقيدة.

وعلى هذا يمكننا القول بأن لعلم الكلام دوراً مهماً في إثبات العقيدة الصحيحة وحفظها عن التيارات المعاصرة اليوم وهي: الحركة التشديدية أو التطرف الديني، والحركة التكفيرية، والحركة الليبرالية. وطرق معالجتها هي الرجوع إلى القرآن الكريم والسنة النبوية ومن غير إفراط وتفریط في فهم دين الإسلام الحنيف.

القصة القرآنية وأثرها في الدعوة الإسلامية

الأستاذ المشارك الدكتور مصباح منصور موسى مطاوع

إن القصة القرآنية من أنفع أساليب الدعوة والإرشاد، وقد استخدمها القرآن في نحو ثلث آياته، وهى تهدف إلى أخذ العظة والعبرة، كما قال عز وجل: (لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِّأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ) يوسف/111، وذلك لأن القصة أداة سهلة الفهم، تحظى بالقبول من العامة والخاصة على السواء، ومن ثم فقد لازمت الإنسان منذ وجوده، حتى أصبح يولع بها ويميل بفطرته إليها، وإذا ما قص عليه جزء من قصة حرص على متابعة أحداثها ليعرف مدى ما وصلت إليه.

وللقصة تأثير عجيب فى مجال الدعوة خاصة إذا توفرت فيها عناصر النجاح، وأهمها: التركيز على المواطن المؤثرة، وذكر بعض التفاصيل التي تكمل المشهد في ذهن المتلقي دون إيراد الجزئيات التي ربما تبعد المستمع عن المطلوب، وجودة البدء، وإحكام النهاية، فإن في البداية تشويقاً وجذباً، وفي النهاية عنصر المفاجأة، وعنصر الاتعاض، ومن أهمها تحرى الواقعية والمعقولية فإنهما طريقتان سريعان للتقبل والعمل، ليس على الأمد القريب فحسب؛ بل حتى البعيد أيضاً، والقصة فى القرآن بلا شك جمعت كل عناصر النجاح، وهذا واضح فى قوله تعالى فى وصفه سبحانه قصصه فى القرآن بقوله: {إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ} سورة آل عمران 62.

ولقد زخر القرآن الكريم بالكثير من النصوص ذات الطابع القصصي لتشدد الناس نحو مبادئ الدين، وتعاليمه السامية، متعاونة في هذا مع وسائل الدعوة الأخرى في إيجاد الفرد الصالح والمجتمع السليم.

إن القصة القرآنية تركز على دعوة المطلع عليها بصراً وسمعاً، فهى خطاب فيه عقل الإنسان وقلبه في آن واحد، حتى أنها تجعله يستخدم كل ما آتاه الله تعالى من أدوات الفهم والتأمل، إضافة إلى ذلك أنها تستمد من الوحي الإلهي، ومن ثم فإن النفوس لا تكتفي بقراءتها مرة واحدة، بل إنها تشتاق إليها كل ما قرأتها، وتعاود الكرة تلو الكرة في التفكير فيها، وكل مرة تجد فيها من العبر والعظات إضافة على ما وجدته في مرات سابقة، وربما تأثرت في مواقع منه لم تتأثر به في مواقع سابقة.

إن القصص القرآني أسلوب دعوي يختصر الكثير من المسافات التي ربما تقطعها الكلمات والمواعظ، حيث تندمج الأفكار الإيجابية ضمن سياق القصة، فيتلقاها المتلقي ببسر وسهولة، وتستقر في خاطره أيما استقرار، وسرعان ما تترك أثرها على سلوكه يشعر بها أحياناً وربما لا يشعر.

ولقد جاءت القصة القرآنية بكثير من الفوائد المهم، والقواعد الأساسية، التي يقوم عليها عماد الدين الإسلامي، شأنها في ذلك شأن القرآن الكريم، فنجد فيها العقائد والأحكام والتشريعات والتاريخ والبلاغة والأخلاق وغيرها.

ولقد كتب كثير من علماء المسلمين في القصة القرآنية كتباً كثيرة، قديماً وحديثاً، كان من أشهر هذه الكتب إضافة إلى الأبحاث والرسائل العلمية الكثيرة "قصص الأنبياء" للإمام ابن كثير، حيث جمع كل الآيات التي تخص كل نبي في صعيد واحد، ثم قام بترتيبها ويسلسلها، حتى تبدو للقارئ حلقات مترابطة مثلت حياة كل نبي منذ ولادته إلى وفاته، وقد اعتمد في عرضه أسلوب السرد التاريخي في بيان أحداث كل قصة تكلم عنها، ومنها كتاب "عرائس القرآن ونفائس الفرقان وفراديس الجنان المعروف بـ"قصص الأنبياء" للشيخ محمد بن بسطام الخوشابي، ومنها كتاب "قصص القرآن" لمجدي بن محمد نور الدين آل نوفل، حيث ذكر فيه بضع عشرة قصة من قصص القرآن، كان يعرضها بأسلوبه للقارئ بأسلوب وعظي وإرشادي.

ومنها كتاب "مع الأنبياء في القرآن الكريم قصص ودروس وعبر من حياتهم" لعفيف عبد الفتاح طيارة، وهو يعرض القصص بأسلوب السرد التاريخي لكل نبي، ثم يعرض الدروس والعبر من كل قصص، ومنها كتاب مع قصص السابقين في القرآن" للدكتور صلاح الخالدي، ذكر فيه تسع عشرة قصة من قصص السابقين، وغيرها من الكتب الكثيرة.

BERITA SISWA FKP

93 Pelajar FKP Dapat Anugerah Dekan

Oleh: Sharrazmi Anas

7 MAC – Seramai 93 pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan telah mendapat Anugerah Dekan dalam pencapaian akademik mereka pada semester 1 Sesi Akademik 2011/ 2012 yang lepas.

Majlis penganugerahan itu menyaksikan dua orang pelajar yang telah berjaya memperoleh Purata Nilai Gred Semester (PNGS) 4.00 iaitu Nur Rafezza Fetheri, Pelajar Tahun 2 dan Ahmad Akhmal Zazali Musthafa, Pelajar Tahun 3 dari Program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan kepujian.

Majlis tersebut turut memberi peluang kepada pelajar untuk sesi dialog bersama Dekan bagi membincangkan isu-isu dan masalah yang mereka hadapi untuk dibincangkan bersama.

Di bawah adalah jumlah pelajar yang mendapat Anugerah Dekan mengikut program:

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Program Da'wah dan Pengurusan Islam	3	8	21	1
Program Kaunseling	-	2	3	16
Program Komunikasi	3	2	3	5
Program Pengajian Akidah dan Agama	-	17	9	-



Ahmad Akhmal
Bin Zazali Musthafa



Nur Rafezza
Binti Fetheri

Pelajar FKP Lawat Bandung, Beijing dan Brunei



Oleh: Nor Alina Yusop

Pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah mengadakan lawatan akademik ke Bandung, Brunei dan Beijing dalam usaha merealisasikan misi lawatan antarabangsa USIM.

Pada 1 Februari hingga 6 Februari telah diadakan satu lawatan ke Bandung, Indonesia anjuran pelajar-pelajar Program Pasca Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA) dan telah melawat Pondok Pesentren Suryalaya, Tasik Malaya, Universiti Pendidikan Indonesia (UPSI), Rumah Cemara dan Badan Nakoba Nasional. Antara aktiviti yang dianjurkan semasa di sana ialah mengadakan bengkel sehari rawatan dan pemulihan berdasarkan pendekatan ajaran Islam, forum kaunselor penagihan di Balai Pertemuan Umum dan sesi perkongsian ilmu dengan penghuni Rumah Cemara.



Selain itu, satu lawatan akademik ke Beijing telah diadakan bermula 6 Februari hingga 10 Februari. Seramai 18 orang pelajar Kaunseling Tahun 4 dan seorang pegawai pengiring telah menyertai lawatan tersebut. Tempat-tempat yang dilawati semasa di sana ialah University of Beijing, Stadium Nasional Beijing, The Forbidden City, Summer Palace dan banyak lagi.

Manakala pada 9 Februari hingga 14 Februari, satu lawatan akademik ke Brunei telah diadakan dengan disertai 13 pelajar-pelajar dari Program Da'wah dan Pengurusan. Antara tempat yang dilawati di sana ialah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), lawatan ke Kampung Mentiri, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), lawatan ke Tahfiz Al Quran Sultan Haji Hasanal Bolkiah (TAQSHHB) dan perjumpaan bersama Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Baharom bin Pengiran Haji Bahar. Lawatan itu diiringi tiga orang pegawai. **AN**

82 Pelajar FKP Sebar Dakwah Orang Asli

Oleh: Fauziah Hassan

8 NOV 2011 – Seramai 82 pelajar program Dakwah Tahun 3 di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan telah menjalankan Program Khidmat Sosial Orang Asli bertempat di Kampung Langkap Danggi, Jempol, Negeri Sembilan.

Program yang bertujuan untuk menyebarkan mesej dakwah Islam kepada masyarakat Orang Asli telah dijalankan melalui pelbagai aktiviti yang dirangka khusus seperti program anak angkat, ziarah, forum perdana, tayangan video, persembahan kebudayaan dan sebagainya.

Menurut Pengarah Program, Muhamad Amir Mat Ghani, pelajar FKP Tahun 3, program sebegini perlu diperbanyakkan dalam usaha untuk menyebarkan mesej dakwah kepada masyarakat orang asli yang mana ramai di antara mereka yang beragama Islam sukar untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan agama sekiranya mereka mempunyai kemusykilan.

"Alhamdulillah, kehadiran kami ke sini disambut dengan baik walaupun ada di kalangan mereka yang bukan beragama Islam," tambahnya lagi.

Pelajar-pelajar turut mengadakan kenduri perdana bersama masyarakat di sana dan mempelajari pelbagai jenis makanan dan budaya mereka.

Menurut Tok Batin Kg. Langkap Danggi, Batin Ompak bin Pikau, aktiviti seperti memasak, gotong-royong dan aktiviti lasak seperti *jungle trekking* dapat mengeratkan silaturrahim di kalangan penduduk dan pelajar di samping dapat bertukar-tukar pendapat dan berkongsi maklumat mengenai sesuatu isu yang dibincangkan.

Program yang berlangsung selama enam hari itu telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan, Pusat Dakwah Negeri Sembilan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Jempol.

Program tamat pada 13 hb November dan telah dirasmikan oleh Y. Bhg Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, *Dr. Mohd. Rushdan Mohd Jailani. **AN**

* Beliau kini merupakan Pensyarah Kanan di FKP



Lahir Pemimpin Muda Melalui Program Transformasi BTN

Oleh: Nurul Husna Mohd Nor

4 MAC – Jawatankuasa Pembangunan Pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dengan kerjasama Biro Tatanegara (BTN) telah menganjurkan satu program kepimpinan pelajar di Kem Biro Tatanegara Ulu Sepri, Rembau, Negeri Sembilan.

Program yang bertujuan melahirkan pemimpin muda di kalangan pelajar FKP ini telah dihadiri seramai 32 mahasiswa FKP dari Tahun 1 hingga Tahun 4 yang telah dipilih khas oleh Fakulti.

Pengarah Program, En Mohd Zaliridzal Zakaria, Pensyarah FKP berkata, pengisian program yang sudah dirangka khusus untuk pemimpin muda ini diharapkan dapat membantu menaikkan motivasi mereka untuk lebih berani dan tampil kehadapan.

"Bakat untuk menjadi pemimpin boleh dibentuk dan dilatih. Oleh itu, mahasiswa sepatutnya mengambil peluang semasa mereka di universiti untuk menonjolkan diri dengan menjadi pemimpin pelajar sama ada di peringkat universiti mahupun fakulti," katanya lagi.

Program yang bermula 2 Mac itu berlangsung selama dua hari berakhir dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah BTN, En Hazli Hj Hamzah. **AN**



300 Sertai Jom Rancang Kerjaya!

Oleh: Noor Syuhadah Sudiro


25 FEB – Kira-kira 300 pelajar Tahun 1 telah menghadiri Seminar Perancangan Kerjaya yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Pelajar, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) bertempat di Dewan Kuliah Pusat 3.

Seminar ini adalah lanjutan program yang telah diadakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), USIM untuk memberi pendedahan dan bimbingan kepada mahasiswa bagaimana untuk merancang kerjaya mereka dengan lebih awal.

Seminar sehari itu turut menampilkan tiga wakil alumni FKP iaitu En. Mohd Fadhli Othman, Penerbit Rancangan Unit Berita TV RTM, En. Shahrul Faizie Zaini, Penolong Penerbit Isu Akidah, TV Al Hijrah dan Cik Hidayah Mat Sarip, Felo Siswazah USIM yang telah membincangkan pengalaman mereka semasa di universiti dan cabaran dalam menempuh alam pekerjaan.

Selain itu, seminar ini juga turut menjemput tiga wakil pihak industri untuk memberikan tip-tip dalam merancang kerjaya dan bagaimana untuk menghadiri temuduga. Mereka yang dijemput ialah En. Mohd Hariri Muhamad Daud, Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah JAKIM, En. Ahmad Fitri Che Musa, Penyunting dan Penerbit Berita TV Al Hijrah dan En. Nik Hasrul Mohd Zainudin, Pegawai Tadbir Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Seminar itu telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr. Musa Ahmad, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, USIM. **AN**



RESENSI BUKU

Kepimpinan Dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu

Oleh: Suria Hani A. Rahman

Buku ini secara keseluruhannya mengetengahkan isu-isu semasa yang menjadikan urusan kepimpinan dan pengurusan Islam hari ini menjadi lebih mencabar. Cabaran kepimpinan dalam Islam serta pelaksanaannya sering menjadi isu yang dibahaskan, termasuklah konsep dan pemimpin dalam Islam. Perbezaan antara kepimpinan Islam dan Barat turut dibincangkan serta mengambil kira aplikasi kepimpinan Islam dalam konteks semasa.

Penerbitan buku *Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu* merupakan satu usaha merungkai persoalan kepimpinan dan pengurusan dalam Islam dari perspektif dakwah, media dan ilmu. Ia dipersembahkan dalam empat (4) bahagian utama, iaitu (1) Dinamika Kepimpinan, (2) Pengurusan Media, (3) Pengurusan Ilmu, serta (4) Pengurusan Dakwah dan Isu Akidah. Bahagian pertama secara umumnya membincangkan konsep kuasa dan amanah dalam kepimpinan Islam dan Barat serta perbezaan pandangan dan amalan untuk menanganinya dari perspektif Islam. Amalan

kepimpinan Rasulullah SAW turut dibincangkan sebagai asas kepimpinan yang perlu dicontohi masa kini, baik dari aspek psikologi, konsep amanah dan tanggungjawab dalam melaksanakan kerja serta strategi pengurusan sumber manusia.

Seterusnya, bahagian kedua mengetengahkan isu-isu pengurusan media dari perspektif Islam dan dakwah. Kepentingan mengurus media secara Islamik yang disifatkan penting turut dibincang bagi menjadikan media sebagai medium dakwah yang efisien demi kesejahteraan insan sejagat. Selain itu, isu-isu berkaitan identiti dan *misrepresentation of Islam* menerusi media, undian sms dalam program realiti, serta eksploitasi wanita turut dibincangkan dalam bahagian ini. Bahagian ketiga pula membahaskan hal-ehwal berkaitan aplikasi ilmu dalam kehidupan seperti pengurusan masalah pelajar di IPTA, keseimbangan kerja dan kehidupan, komunikasi dengan kepuasan perkahwinan, serta kepentingan pembelajaran formal dan informal dalam pembentukan modal insan.

Bahagian terakhir buku mengemukakan isu-isu dakwah dan akidah. Antaranya isu fahaman pluralisme agama, ajaran sesat dalam aliran teologi Islam seperti Syi'ah, Khawarij dan Mu'tazilah, konsep penyucian Allah SWT serta larangan menyamakan Allah SWT dengan makhluk. Diharapkan penerbitan buku ini memberi paradigma baru terhadap ilmu kepimpinan dan pengurusan dalam bidang dakwah, media dan pengurusan ilmu di Malaysia. **AN**

Pembangunan Islam dalam Era Mahathir

Oleh: Dr Mohd Rumaizuddin Ghazali

Buku ini mengandungi tujuh bab dan bab pengenalan. Bab Pendahuluan mengandungi pengenalan. Bab Pertama mengandungi kajian mengenai sejarah hidup, penglibatannya dalam bidang penulisan di peringkat sekolah dan universiti serta kegiatan politik dengan Kesatuan Melayu Kedah dan UMNO. Bab kedua mengenai teori pembangunan Islam dalam pembinaan tamadun dan pandangan sarjana Muslim mengenai perkara tersebut.

Bab ketiga menyentuh mengenai kronologi politik Mahathir secara keseluruhannya dan impaknya terhadap pembangunan Islam di Malaysia. Bab keempat memfokuskan kepada pembinaan bangsa Melayu, ciri-ciri tamadun dan pembinaan bangsa cemerlang. Termasuk dalam bab ini juga ialah kajian sumbangan Mahathir dalam membangunkan masyarakat Melayu, pengislaman Ilmu, kepercayaan Mahathir dalam pembinaan tamadun berdasarkan pertumbuhan urbanisasi, syarat-syarat kebangkitan dan kejatuhan sesuatu tamadun.

Bab kelima adalah kajian dan analisis mengenai Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Penulis mengambil pandangan sarjana muslim dalam mentakrifkan negara Islam, ciri-ciri dan relevannya diisytiharkan sebuah negara Islam. Bab keenam menyentuh tentang aliran-aliran pemikiran Islam di Malaysia dan pemikiran Mahathir terhadap sekularis dan nasionalis serta sikap beliau dalam menangani isu-isu tersebut serta impaknya kepada pembangunan Islam di Malaysia.


Bab ketujuh membincangkan proses globalisasi. Dalam bab ini, membincangkan mengenai persepsi Mahathir dalam isu tersebut dan sumbangan isu-isu yang dibincangkan dalam pembangunan Islam. Bab terakhir, merupakan kesimpulan, kritikan, cadangan, rumusan dan alternatif baru dalam membina semula tamadun Islam yang maju berdasarkan kepada pemikiran Islam yang tulen. Diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada umat Islam dalam mengembalikan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna dan lengkap. Buku ini amat baik dibaca oleh semua lapisan masyarakat. **AN**

Tajuk : Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu

ISBN:
978-967-0393-11-7

Penyunting:
Zulkiple Abd. Ghani,
Roslizawati Mohd. Ramly,
Mohd. Rushdan Mohd. Jailani
dan Muhamad Yusuf Khalid

Tahun: 2012




Tajuk : Pembangunan Islam dalam Era Mahathir

ISBN:
978-967-5295-58-4

Pengarang:
Dr. Mohd Rumaizuddin
Ghazali

Tahun: 2011



Ketagihan Seks Siber: Adakah Anda Terlibat?

Oleh: Mohd. Zaliridzal Zakaria • Dini Farhana Baharuddin

Kajian ini telah berjaya diselesaikan dalam masa dua tahun bermula 2009 hingga 2011. Ia membincangkan isu ketagihan seks siber - iaitu satu sub-kategori bagi aktiviti seksual dalam talian yang merujuk kepada aktiviti seks dalam talian secara interaktif, yang juga dipanggil 'cybering'. Seks siber juga boleh didefinisikan sebagai mendapatkan kepuasan seksual sementara berinteraksi bersama orang lain dalam talian. Ini merangkumi melibatkan diri dalam hubungan kelamin, 'hot chat', berkongsi perasaan atau maklumat yang intim di dalam atau di luar talian, gambar-gambar lucah dalam laman web atau emel dan lain-lain.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa perbuatan atau tingkah laku seks siber yang keterlaluan sehingga hilangnya kawalan diri boleh diklasifikasikan sebagai telah memenuhi syarat diri seseorang itu mengalami ketagihan seks siber. Ketagihan seks siber termasuk dalam kategori ketagihan Internet iaitu lima sub-jenis yang meliputi: (a) ketagihan seks siber (penggunaan kompulsif laman web dewasa untuk seks siber dan porno); (b) ketagihan hubungan siber (penglibatan dalam hubungan atas talian); (c) ketagihan Internet (obses atau kompulsif dengan kegiatan seperti perjudian online, berbelanja online); (d) ledakan maklumat (pelayaran web secara kompulsif atau carian database); dan (e) ketagihan komputer (obsesif bermain permainan komputer).

Walaupun bagaimanapun dalam kajian ini juga turut dikenalpasti bahawa ketagihan seks siber merupakan salah satu daripada ketagihan tingkah laku (*process addiction*) apabila wujud kriteria-kriteria berikut :

1. Keasyikan dengan seks siber iaitu sentiasa memikirkan tentang aktiviti seks siber.
2. Kekerapan yang tinggi dalam penglibatan seks siber iaitu sering melibatkan diri dengan aktiviti seks siber ataupun menggunakan masa yang panjang dengan aktiviti seks siber.
3. Kesukaran untuk mengawal, mengurangkan atau berhenti melibatkan diri dengan seks siber.
4. Gelisah atau marah apabila cuba untuk membataskan atau berhenti melibatkan diri dengan seks siber.
5. Menggunakan seks siber sebagai kaedah untuk lari daripada masalah atau meringankan perasaan bersalah, tidak berdaya, kegelisahan mahupun kemurungan.
6. Kembali kepada seks siber dari hari ke hari dan mencari pengalaman seksual yang lebih daripada sebelumnya.
7. Berbohong kepada ahli keluarga atau orang lain untuk menyembunyikan penglibatan dalam seks siber.
8. Melakukan kesalahan berkaitan perlakuan seksual dalam talian (contohnya menghantar atau melihat pornografi kanak-kanak bawah umur).
9. Membahayakan atau kehilangan perhubungan yang signifikan, pekerjaan, peluang kerjaya atau peluang belajar disebabkan oleh seks siber.
10. Mengalami masalah kewangan yang signifikan disebabkan oleh penglibatan dengan seks-siber.

*Kajian ini telah dijalankan dengan biaya USIM (PPP/FPK-04-11509)

Promosi Dan Pemasaran USIM

Oleh:

Muhamad Zaki Mustafa, Dr. Othman Ab. Rahman,
Hanim Hj. Misbah, Suria Hani A. Rahman, Zainol Abidin Ahmad,
Zaliridzal Zakaria, Khairunneezam Mohd Noor,
Suhaili A. Jalil dan Zulfadhli Hamzah

Kajian ini dijalankan oleh Bahagian Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa (BKKPA) dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Kajian ini telah berjaya diselesaikan dalam tempoh enam bulan bermula Julai 2011 dengan biaya USIM. Ia bertujuan untuk mengetahui sasaran pelanggannya iaitu pelajar-pelajar sekolah aliran agama dan masyarakat umum seperti ibu bapa, guru-guru dan lain-lain mengenai USIM.

Antara hasil kajian ialah:

- **60%** masyarakat umum dan **65%** pelajar sekolah agama tidak mengetahui USIM menawarkan program pergisgian.
- **43%** masyarakat umum tidak mengetahui USIM menggunakan medium bahasa Inggeris dan bahasa Arab sebagai medium pengajaran.
- Lebih daripada **64%** masyarakat umum setuju bahawa USIM setaraf dengan universiti lain, nama USIM dikenali ramai, keseimbangan pengajaran ilmu dunia dan akhirat merupakan kekuatan USIM, bidang

pengajian USIM setanding dengan universiti ternama di Malaysia dan USIM mampu melahirkan graduan yang terbaik dan berkualiti.

- **72%** orang awam dan **79.3%** pelajar SMA bersetuju untuk meneruskan pengajian di USIM jika diberi peluang.
- **66.8%** pelajar memilih USIM sebagai pilihan utama mereka.

Kesimpulannya, ramai di kalangan sasaran pelanggan USIM telah menyedari kewujudan USIM namun hebahan perlu ditingkatkan untuk program-program baru seperti pergisgian yang masih belum begitu diketahui ramai. Majoriti bersetuju dengan imej positif USIM, namun yang menariknya ialah terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang tidak pasti dan ini memerlukan kajian lanjut tentang persepsi mereka secara lebih mendalam. Ramai pelajar memilih jawapan menunjukkan kecenderungan memilih USIM jika diberi peluang melanjutkan pelajaran. Ini mungkin merupakan satu petanda baik bahawa USIM semakin diminati dan gelagat kecenderungan atau 'behavioral intention' ini boleh dijadikan kayu pengukur untuk melihat lebih jauh apakah faktor yang mempengaruhi kecenderungan ini di dalam kajian pada masa hadapan.

Staf Contoh

Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan



Prof Dr Zulkiple Abd Ghani

Profesor
Program Dakwah dan
Pengurusan Islam
Bulan September 2011



En Khairunneezam Mohd Noor

Tutor
Program Dakwah dan
Pengurusan Islam
Bulan Disember 2011



Puan Zunita Abdul Hamid

Pembantu Tadbir Kanan
Staf Pentadbiran
Bulan Oktober 2011



En Zainol Abidin Ahmad

Pensyarah
Program Komunikasi
Bulan Januari 2012



Cik Fauziah Hassan

Tutor
Program Komunikasi
Bulan November 2011



Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani

Pensyarah Kanan
Program Da'wah dan
Pengurusan Islam
Bulan Februari 2012

Pihak Fakulti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anda atas usaha cemerlang yang diberikan. Semoga akan terus maju dalam lapangan karier pada masa akan datang. Syabas dan Tahniah!